

18/02/1997

Berpada-pada lindungi hidupan liar

MELINDUNGI hidupan liar daripada pupus adalah tanggungjawab manusia. Manusia boleh melindungi atau menghapuskannya berasaskan sesuatu keadaan. Jika pemeliharaan hidupan liar membawa kemudaratan kepada manusia, perlindungan terhadap binatang seperti itu mungkin dianggap tidak lagi perlu. Hari ini, pertimbangan terhadap hidupan liar sebagai salah satu khazanah negara masih menebal. Apabila suatu hari nanti, ia dianggap sebagai pembaziran, pemupusan binatang itu mungkin tidak dapat dielakkan. Kita juga tidak meramalkan bantahan yang boleh menyebabkan ekonomi negara lumpuh akibat mempertahankan binatang buas jika ia mengganggu ketenteraman ramai manusia.

Hari ini, kita masih boleh menerima pandangan daripada pencinta hidupan liar bahawa pembunuhan haiwan itu bermakna menghapuskan khazanah yang amat bernilai. Andaiannya binatang itu tidak akan ditemui lagi jika proses penghapusan terhadap spesies itu dilakukan besar-besaran. Ia akan menyebabkan kerugian besar kepada negara terutama kepada generasi akan datang. Hari ini pun, tidak ramai yang boleh menghargai keunikan hidupan liar berkenaan jika mereka terserempak dengan binatang itu ketika berada di hutan rimba. Keunikannya hanya dirasai apabila mereka melawat zoo atau taman binatang.

Manusia boleh membunuh hidupan liar tanpa menggunakan senjata. Dengan menebang tebas hutan untuk projek pembangunan, akan menyebabkan binatang yang menjadi hutan rimba sebagai tempat mereka membiak, mati. Bagi hidupan air termasuk buaya juga dilindungi. Di sesetengah negara pencemaran air menyebabkan pelbagai spesies air tidak dapat diselamatkan.

Sebenarnya, kepupusan binatang buas tidaklah ditangani oleh ramai orang, melainkan ia hanya menjadi kebimbangan segelintir manusia. Sebaliknya, jika ada manusia dibaham harimau, buaya atau binatang buas lain, ia boleh menimbulkan suasana gawat. Siapa harus kita persalahkan jika keadaan itu berlaku? Menyalahkan binatang buas adalah tidak wajar kerana binatang tidak mengenal undang-undang dan tidak ada sifat belas kasihan. Cuma, manusia menganggap kewujudkannya di bumi ini masih diperlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai rasionalnya terhadap sikap pihak tertentu yang berjuang mempertahankan hidupan liar. Antara kepentingan manusia dan binatang buas, tentulah kita memilih kesejahteraan manusia. Namun, ini tidak bermakna kita sengaja mahu menggalakkan kepupusan hidupan liar. Di Malaysia, kita mempunyai undang-undang untuk memelihara hidupan liar. Malah, kita juga mempunyai jabatan khas untuk memastikan binatang itu tidak dibunuh oleh manusia sama ada menerusi kegiatan memburu atau sebagainya - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Dengan menjadikan hutan belantara sebagai taman negara, kita anggap ia satu penghormatan yang amat tinggi kepada setiap spesies di dalamnya. Kawasan hutan tertentu juga diwartakan bagi mengelakkan ia diteroka atau dibuka sewenang-wenangnya untuk tujuan pembangunan bagi mengelakkan binatang di dalamnya meninggalkan hutan berkenaan. Walaupun sudah banyak kes manusia menjadi mangsa binatang buas ini, kegiatan membunuhnya tetap dianggap satu kesalahan. Mengikut Seksyen 76/72 Akta Hidupan Liar 1972, jika sabit kesalahan, boleh didenda RM3,000 atau hukuman penjara. Mungkin hukuman ini relevan kepada pemburu, tetapi bagi mereka yang berada dalam keadaan terdesak, pilihan bertindak menyelamatkan diri adalah lebih penting.

Namun, walaupun kita akui hidupan liar mempunyai keunikan tersendiri bagi sesebuah negara, dari segi ekonominya ia tidak begitu mendatangkan banyak hasil. Nilai komersilnya adalah rendah. Tetapi, disebabkan ia mempunyai ciri-ciri keunikan semula jadi, kerajaan terpaksa mengambil langkah mempertahankan kewujudan hidupan liar itu. Cuma, usaha melindungi hidupan liar ini perlu mempunyai batasan.

Kita tidak boleh melebihikan hidupan liar sehingga kita tidak boleh merancang untuk memajukan sesuatu kawasan sedangkan kehadiran binatang buas itu hanya menyebabkan kegiatan manusia terbatas. Kita mencadangkan supaya melindungi binatang yang tidak begitu bahaya kepada manusia di tempat khas sebagaimana dilakukan oleh beberapa kerajaan negeri. Bagi binatang buas, jika pemupusannya secara semula jadi, tidak perlulah dijadikan isu yang terlalu besar.

(END)